



Anwar ketika mengadakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi DBKL di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan Jabatan Perdana Menteri)

# Kerajaan tekad bantu ringankan beban rakyat: PM

BH - 23/12/2022 m/d: 2

**Anwar bertemu pengurusan tertinggi DBKL bincang usaha tangani masalah miskin bandar**

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim  
mohd\_iskandar@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, tekad utama pentadbirannya ketika ini adalah usaha membantu meringankan beban rakyat, termasuk masalah miskin bandar.

Perdana Menteri menegaskan perkara itu ketika mengadakan

pertemuan dengan pengurusan tertinggi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) semalam.

“Mengadakan pertemuan dengan pengurusan tertinggi DBKL pagi tadi (semalam).

“Saya mendengar beberapa taklimat serta penerangan terkait pengurusan dan hal ehwal DBKL,” katanya menerusi perkongsian di Facebook berhubung pertemuan itu.

## Bincang perkara dasar

Mengenai pertemuan dengan semua Ahli Parlimen dalam Kuala Lumpur selepas taklimat itu, Anwar berkata, mereka membincangkan beberapa perkara dasar dan usaha mendepani permasalahan miskin bandar.

Pertemuan dengan Ahli Parlimen terbabit antaranya dihadiri Menteri Komunikasi dan

Digital yang juga Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil; Menteri Belia dan Sukan merangkap Ahli Parlimen Segambut, Hannah Yeoh serta Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Nik Nazmi Nik Ahmad (Setiawangsa).

Ahli Parlimen lain yang hadir ialah Datuk Seri Johari Abdul Ghani (Titiwangsa), Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (Bandar Tun Razak), Tan Kok Wai (Cheras), Fong Kui Lun (Bukit Bintang), Teresa Kok (Seputeh) dan Lim Lip Eng (Kepong).

Terdahulu, Perdana Menteri tiba di Menara 1 DBKL pada jam 9 pagi dan disambut Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali serta Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah.

Kehadiran beliau turut disambut kira-kira 100 warga DBKL.